

ترنسفورماسي كأره
قرخدمتن عوام يث قروكريسيف

**TRANSFORMASI KE ARAH
PERKHIDMATAN AWAM
YANG PROGRESIF**



Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan
Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum
Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien,
Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam



Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda
Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda
Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah,
D.K.M.B., D.P.K.T., King Abdul Aziz Ribbon, First Class (Saudi Arabia), The Order of
the Renaissance (First Degree) (Jordan), Grand Cross of Crown Order - G.K.K., (Netherlands),
Medal of Honour (Lao), DSO (Singapore), Order of Lakandula with the Rank of Grand Cross
(Philippines), The Order of Prince Yaroslav the Wise, Second Class (Ukraine),
DSO (Military) (Singapore), P.H.B.S.
Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri

Petikan Titah Mengenai Perkhidmatan Awam

**Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan
Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum
Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien,
Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam**



SAMBUTAN HARI PERKHIDMATAN AWAM KALI KE-22, TAHUN 2015

Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Bertempat di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas. Pada hari Selasa, 12hb Safar 1437 Bersamaan 24hb November 2015.

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Bismillaahir Rahmanir Raheem.

Alhamdulillah Rabbil 'Alameen, Wabihiee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Wadden, Wassalaatu' Wassalaamu 'Ala Asyrafil Mursaleen, Sayyidina Muhammadin, Wa'alaa Aalihee Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

Beta bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, kerana dapat pula berkumpul dalam Majlis Hari Perkhidmatan Awam Kali Ke-22 pada pagi ini.

Selaku tulang belakang Kerajaan, warga Perkhidmatan Awam berperanan besar untuk memperkemas dan memperlicin urustadbir negara.

Salah satu faktor ke arah itu, ialah dengan mengukuhkan kepimpinan. Dalam konteks Perkhidmatan Awam, kepimpinan adalah sangat penting di samping kemahiran.

Pemimpin yang berkualiti bukan saja mempunyai wawasan dan hala tuju yang jelas, tetapi juga mempunyai kerajinan dan kesungguhan untuk melakukan apa saja pembaikan atau pembaharuan yang perlu. Mereka sanggup turun padang untuk melihat apa-apa yang perlu ditangani dan diperbaiki.

Inilah sifat pemimpin atau pegawai yang bagus.

Kejayaan pemimpin atau pegawai dapat diukur dari cara mereka menangani tugas dan membimbing orang-orang di bawah mereka. Ini sangat penting, bagi memastikan segala rancangan dan matlamat dapat dicapai dengan sempurna.

Dalam aktiviti perekonomian umpamanya, warga Perkhidmatan Awam sangat perlu memahami keperluan orang ramai, terutama para usahawan dan pelabur. Mereka ini sentiasa berhajatkan layanan dan pimpinan terbaik, sempurna dan cepat. Jika kita gagal, bererti ini adalah kegagalan Kerajaan.



Dalam kesempatan ini Beta ingin menyebut tentang Laporan Bank Dunia ke atas peningkatan kedudukan terkini negara dalam Index *Ease of Doing Business*. Kedudukan negara kita dikatakan meningkat daripada 105 anak tangga kepada 84 anak tangga. Ini tidak syak lagi adalah satu pencapaian yang menggalakkan.

Beta mengucapkan tahniah kepada pihak-pihak yang bekerja keras dalam memperbaiki kedudukan tersebut, khususnya peneraju-peneraju dan Unit PENGGERAK Jabatan Perdana Menteri. Kita memang berhasrat untuk benar-benar *pro-business* dan dikenali sebagai negara terbaik bagi perniagaan.

Kunci utama untuk itu ialah 'budaya suka berubah'. Ia perlu untuk penjawat-penjawat awam. Jika budaya ini gagal diterapkan, maka agensi-agensi Kerajaan tidak akan dapat memperkemas kerja masing-masing ke arah yang lebih baik dan cemerlang.

Dunia kita sekarang sedang berada dalam kemelut ekonomi. Inilah masanya warga Perkhidmatan Awam mempelopori langkah berjimat cermat, di samping meningkatkan komitmen dan usaha memajukan negara untuk hari ini dan juga untuk masa depan anak cucu kita.

Dari aspek pelaksanaan dasar-dasar negara pula, Beta mengulangi lagi supaya kementerian-kementerian bersikap lebih pro-aktif dengan meningkatkan penyelarasan melalui pendekatan '*whole-of-nation*' di semua peringkat.

Namun semua ini memerlukan pemantauan yang rapi, untuk mengetahui maklumat, data dan perangkaan yang lengkap dan tepat. Oleh itu, semua agensi perlu meningkatkan kapasiti masing-masing dalam pengumpulan dan penganalisan maklumat itu.

Dalam menjalani budaya kerja, turut dipentingkan ialah prestasi dan produktiviti. Sistem penilaian prestasi adalah bertitik tolak pada pencapaian hasil kerja. Jika ia baik dan memuaskan, maka itulah prestasi yang cemerlang.

Beta berasa gembira dan mengalu-alukan usaha Jabatan Perdana Menteri dan Jabatan Perkhidmatan Awam, meneliti sistem penilaian prestasi yang baru, termasuk menyesuikannya dengan amalan-amalan terbaik atau *best-practices*. Sistem penilaian ini diharapkan akan dapat membantu perubahan minda Perkhidmatan Awam yang lebih kompetitif dan seterusnya meningkatkan lagi produktiviti Kerajaan. Beta berharap sistem baru ini akan digunapakai secepat mungkin.

Dalam hubungan ini, para penyandang Anugerah Pekerja Cemerlang Perkhidmatan Awam dan Anugerah Kumpulan Kerja Cemerlang yang kita raikan hari ini, adalah merupakan contoh terbaik untuk jadi ikutan bagi setiap penjawat awam. Beta tidak lupa merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada mereka.




Tidak lupa juga sekalung penghargaan kepada warga Perkhidmatan Awam yang telah bersara di atas segala khidmat bakti mereka kepada Kerajaan dan negara. Semoga Allah Subhanahu Wata'ala jua yang akan membalas mereka dengan ganjaran yang sebaik-baiknya.

Sekian, Wabillahir Taufiq Walhidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.



KANDUNGAN

Sekapur Sirih	12
Aturcara	15
Wawasan Perkhidmatan Awam Abad Ke - 21	17
Huraian Tema Hari Perkhidmatan Awam	19
Ikrar Perkhidmatan Awam	22
Anugerah Pekerja Cemerlang Perkhidmatan Awam Tahun 2016	24
Penerima-Penerima Anugerah Pekerja Cemerlang Perkhidmatan Awam Tahun 2016	28
Anugerah Cemerlang Perkhidmatan Awam Tahun 2016	41
Kumpulan-Kumpulan Yang Menyertai Anugerah Cemerlang Perkhidmatan Awam Tahun 2016	44
Kenangan Sambutan Hari Perkhidmatan Awam Kali Ke-22, Tahun 2015	132
Kenangan Acara Keagamaan Sambutan Hari Perkhidmatan Awam Kali Ke-23, Tahun 2016	137
Perangkaan Perkhidmatan Awam	141
Senarai Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari Perkhidmatan Awam Kali Ke-23, Tahun 2016	146
Senarai Jawatankuasa Eksekutif Sambutan Hari Perkhidmatan Awam Kali Ke-23, Tahun 2016	150

The background is a vibrant, abstract composition. A large, white hexagon with a dark brown border is centered in the upper half. Below it, a colorful, circular pattern resembling a woven basket or a traditional textile design is visible, featuring shades of green, blue, pink, and brown. The bottom half of the image is dominated by a dark purple background with a repeating pattern of hexagons in various shades of purple, blue, and green. Some hexagons are outlined in gold or have internal geometric details.

SEKAPUR SIRIH

SEKAPUR SIRIH



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Alhamdulillah Rabbil 'Alameen, Wassalaatu Wassalamu 'Alaa Asyrafil Mursaleen, Sayyidina Muhammadin, Wa'alaa Aalihee Wasahbihee Ajma'een.

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah rahmat dan inayah-Nya jua, tahun ini sekali lagi kita dapat meraikan Sambutan Hari Perkhidmatan Awam Kali-23.

“Transformasi ke Arah Perkhidmatan Awam yang Progresif” adalah tema Sambutan Hari Perkhidmatan Awam pada tahun ini. Tema ini memfokuskan kepada perlunya Perkhidmatan Awam meneroka dan mengharungi peralihan dan pembaharuan dalam semua aspek, khususnya dalam memberikan khidmat terbaik kepada masyarakat dan negara. Memandangkan peredaran masa dan kehendak orang ramai yang semakin kompleks, transformasi perkhidmatan awam perlu menjurus kepada pembaharuan dasar, perancangan dan pembangunan modal insan berteraskan kompetensi dan produktiviti yang tinggi. Ini juga bagi menjunjung tinggi titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersempena Majlis Sambutan Hari Perkhidmatan Awam Kali Ke-20 pada tahun 2013 di mana Baginda antara lain menekankan: *“adalah menjadi tanggungjawab perkhidmatan awam untuk mengetahui secara berterusan mana-mana perkhidmatan yang tidak menepati keperluan orang ramai hendaklah diperbaiki dengan segera”*.

Dengan perkembangan ekonomi yang mencabar dan kompetitif, memaksa perkhidmatan awam untuk mempunyai hala tuju yang jelas dan adaptif. Sementara penjawat awam perlu menilai diri sendiri sejauh mana mereka mempunyai keupayaan dan kemahiran dalam menangani setiap cabaran semasa. Perubahan minda serta sikap di kalangan setiap penjawat awam ke arah yang lebih progresif perlulah menjadi keutamaan. Penilaian semula ke atas tahap keberkesanan dan keupayaan tersebut akan dapat menjelmakan sebarang pembaharuan yang diperlukan, agar negara yang kita sayangi ini sentiasa maju ke hadapan bagi kepentingan generasi penerus masa depan.

Ke arah itu, bagi melaksanakan Rangka Kerja Perkhidmatan Awam (RKPA) 2016-2020, memerlukan penjawat awam untuk lebih bekerja keras, inovatif dan mengamalkan *“team work”* dalam mengurangkan sekatan-sekatan birokrasi. Komitmen tinggi penjawat awam

amat mustahak demi menjaga kepentingan setiap “*stakeholders*” termasuk pelabur-pelabur yang berurusan dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Yang juga sama pentingnya ialah bagi pegawai-pegawai kanan dan Ketua-Ketua Jabatan mempunyai ciri kepimpinan dan iltizam yang tinggi untuk sentiasa cekap mengatur strategi-strategi dan langkah-langkah pembaharuan. Usaha hendaklah diteruskan dalam menyemak semula prosedur dan memperbaiki pengurusan tugas, memanfaatkan penggunaan data dan memperluas jangkauan perkhidmatan, meningkatkan akauntabiliti dan ketelusan. Sistem pengurusan prestasi serta pembangunan sumber tenaga manusia yang menjurus kepada penghasilan dan meningkatkan produktiviti negara merupakan usaha yang amat digalakkan. Kerjasama yang lebih bersepadu bersama agensi-agensi pelaksana dan pihak-pihak yang berkepentingan perlu diperkukuhkan. Keperluan mewujudkan dan mempraktikkan budaya pembelajaran (*learning culture*) dan persekitaran yang bermotivasi tinggi, juga sama penting. Usaha-usaha sedemikian akan memperkukuhkan lagi jentera Kerajaan agar kita tidak lagi disifatkan sebagai “*silo*”, tetapi sudah menggunakan pendekatan “*whole of nation*”.

Bersempena dengan Hari Perkhidmatan Awam Ke-23 ini, saya mengharapkan agar setiap penjawat awam untuk meningkatkan daya saing dan ketahanan diri serta sikap positif yang digariskan dalam Wawasan Perkhidmatan Awam Abad Ke-21 bagi membantu Kerajaan mencapai matlamat-matlamat Wawasan 2035. Buanglah sikap endah tak endah, dan diganti dengan kesediaan untuk sentiasa berbakti dalam memberikan perkhidmatan dan layanan terbaik selaku “*civil servants*” dan juga kita niatkan setiap tugas kerana Allah semata-mata.

Kepada Ahli-Ahli Jawatankuasa Tertinggi dan Jawatankuasa-Jawatankuasa Kerja HPA 23/2016 dan semua yang terlibat dalam sama-sama menjayakan Sambutan Hari Perkhidmatan Awam tahun ini, diucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih yang tiada terhingga. Hanya Allah saja yang memberikan balasan pahala yang setimpal atas jarih payah dan titik peluh yang dicurahkan. Sekian, Wabillahir Taufiq Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

[DATO PADUKA AWANG HAJI YAHYA BIN HAJI IDRIS]

Setiausaha Tetap, Jabatan Perdana Menteri
Selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi
Sambutan Hari Perkhidmatan Awam

Negara Brunei Darussalam Kali Ke-23, Tahun 2016



**ATURCARA
MAJLIS SAMBUTAN HARI PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
KALI KE-23, TAHUN 2016**

ATURCARA
MAJLIS SAMBUTAN HARI PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM KALI KE-23, TAHUN 2016

- 8:00 pagi □ Para Jemputan Hadir
- 8:30 pagi □ Para Jemputan Khas Hadir
- 9:00 pagi □ Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berserta Kerabat Diraja
- Lagu Kebangsaan
- Bacaan Surah Al-Fatihah
- Bacaan Ayat-Ayat Suci Al-Quran dan Kesimpulannya
- Sembah Alu-Aluan oleh Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Yahya bin Haji Idris, Setiausaha Tetap, Jabatan Perdana Menteri selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari Perkhidmatan Awam Kali Ke-23, Tahun 2016
- Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam
- Persembahan Tayangan Klip Video '*Transformasi Ke Arah Perkhidmatan Awam Yang Progresif*'
- Sembah Permakluman Anugerah Pekerja Cemerlang Perkhidmatan Awam (APCPA) Tahun 2016 oleh Pemangku Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam selaku Pengerusi Jawatankuasa Menimbangkan Anugerah Pekerja Cemerlang Perkhidmatan Awam
- Persembahan Tayangan Klip Video Anugerah Cemerlang Perkhidmatan Awam (ACPA) bagi Tahun 2016
- Sembah Permakluman Anugerah Cemerlang Perkhidmatan Awam (ACPA) Tahun 2016 oleh Pemangku Pengarah Perkhidmatan Pengurusan selaku Pengerusi Panel Penilaian dan Pemilihan Anugerah Cemerlang Perkhidmatan Awam

- Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dijunjung untuk menyempurnakan Pengurniaan Hadiah-Hadiah dan Penghargaan bagi :-
 - Anugerah Pekerja Cemerlang Perkhidmatan Awam (APCPA) untuk Bahagian II, III, IV dan V
 - Anugerah Cemerlang Perkhidmatan Awam (ACPA)
 - Panel Penilaian dan Pemilihan Anugerah Cemerlang Perkhidmatan Awam (ACPA)
- Bacaan Doa Selamat
- Lagu Kebangsaan
- Sesi Bergambar Ramai dengan Penerima-Penerima Anugerah Pekerja Cemerlang Perkhidmatan Awam (APCPA) dan Pemenang-Pemenang Anugerah Cemerlang Perkhidmatan Awam (ACPA) bagi Tahun 2016
- Santap / Jamuan Ringan
- Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berserta Kerabat Diraja Berangkat Meninggalkan Majlis
- Majlis Bersurai

WAWASAN PERKHIDMATAN AWAM ABAD KE-21



واوسن وُخُرْمَتَن عوام ابدك - ٢١

WAWASAN PERKHIDMATAN AWAM ABAD KE-21

**“Untuk menjadikan Perkhidmatan Awam
Negara Brunei Darussalam
yang sentiasa membangun dan berusaha
dengan gayanya tersendiri menurut calak Islam
dalam persekitaran yang sihat dan selamat
di bawah inayah dan petunjuk
Allah Subhanahu Wata’ala”**

The background of the slide is a vibrant, abstract composition. It features a large, white, irregular hexagonal shape in the upper center, which serves as a frame for the title. Below this, there are several overlapping hexagonal shapes in various colors, including shades of green, blue, pink, and purple. These shapes are arranged in a way that creates a sense of depth and movement. The overall color palette is dominated by cool tones like blues and purples, with warm accents of orange and yellow. The design is modern and geometric, typical of contemporary digital art.

**HURAIAN TEMA
HARI PERKHIDMATAN AWAM**

TRANSFORMASI KE ARAH PERKHIDMATAN AWAM YANG PROGRESIF

Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam sedang berada di zaman yang serba mencabar dan mengalami pelbagai perubahan. Cabaran dan perubahan ini sebahagian besarnya berkait rapat dengan *survival* bangsa dan negara di masa hadapan yang dibawa oleh arus globalisasi yang mengakibatkan isu sosio-ekonomi, bukan sahaja dihadapi oleh sesebuah Negara, bahkan juga telah menjadi satu isu global. Ini adalah memandangkan pergantungan di antara negara-negara adalah satu realiti dan agenda utama, bukan sahaja dari segi perdagangan dan perhubungan, bahkan juga dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi.


Tema ini memberi penekanan terhadap kepentingan Perkhidmatan Awam yang berdaya maju dalam terus berusaha untuk menyediakan eko-sistem dan persekitaran yang terbaik bagi rakyat Negara Brunei Darussalam. Transformasi membawa erti responsif terhadap aspirasi dan lebih prihatin kepada keperluan masyarakat. Ianya juga termasuk transformasi cara berfikir dan bertindak dalam melaksanakan dasar-dasar Kerajaan bagi merealisasikan wawasan negara.

Untuk merealisasikan Wawasan Brunei 2035, warga Perkhidmatan Awam perlulah bersedia untuk mengubah cara berfikir daripada cara lama yang boleh mengongkong kemajuan, kepada cara yang positif dan konstruktif selaras dengan kemajuan dan kehendak semasa dan akan datang. Oleh yang demikian, warga Perkhidmatan Awam haruslah berfikir secara proaktif, di samping bersikap adaptif dan responsif terhadap perubahan persekitaran serta mampu berhadapan dengan realiti.

Dalam era perubahan yang pantas, warga Perkhidmatan Awam hendaklah memiliki "*attitude of mind*" yang kreatif dan inovatif dalam menghadapi cabaran-cabaran pentadbiran awam di alaf yang baru ini. Dengan mempunyai keupayaan seperti ini, warga Perkhidmatan Awam akan dilengkapi dengan daya fikir yang tinggi serta mempunyai kemahuan dan keberanian dalam membuat perubahan.

Justeru adalah perlu bagi agensi Perkhidmatan Awam itu untuk sentiasa mementingkan budaya kerja yang dinamik, kreatif dan progresif serta berkomitmen tinggi dalam melaksanakan pembaharuan dan penambahbaikan yang berterusan. Hal ini amat penting dan juga ditekankan dalam Wawasan Perkhidmatan Awam Abad Ke-21 supaya Perkhidmatan Awam sentiasa membangun dan maju mengikut kemampuan serta keupayaannya sendiri berlandaskan ajaran dan akidah Islam yang diredhai Allah Subhanahu Wata'ala jua, dalam keadaan dan suasana yang aman, makmur, tenteram di bawah perlindungan Allah Subhanahu Wata'ala jua. Dalam hal ini, Wawasan Perkhidmatan Awam Abad Ke-21 juga menghendaki setiap agensi Kerajaan dalam Perkhidmatan Awam supaya sentiasa melaksanakan transformasi dan penambahbaikan yang progresif ke atas tiga (3) fokus utama iaitu struktur organisasi, dasar dan perlakuan organisasi.

Matlamat mewujudkan perkhidmatan yang cemerlang hanya boleh dicapai menerusi transformasi minda dan sikap yang positif dan murni yang akan bertindak sebagai pemangkin dan pencetus kepada kecemerlangan dan keberkesanan perkhidmatan. Pembaharuan-pembaharuan dari aspek struktur organisasi, peralatan pejabat, sistem prosedur kerja, teknologi komputer dan sebagainya tidak akan memberikan kesan atau impak yang signifikan tanpa diiringi dengan kesedaran dan transformasi minda dan sikap positif serta komitmen yang tinggi terhadap keperluan menyediakan perkhidmatan yang cemerlang bagi memenuhi kehendak pihak-pihak yang berkepentingan.

The background features a large white hexagon with a dark brown border, centered in the upper half. Below it is a colorful, abstract pattern of overlapping hexagons and squares in shades of green, blue, pink, and purple. The overall background is a gradient of purple and blue.

IKRAR PERKHIDMATAN AWAM

IKRAR PERKHIDMATAN AWAM

Dengan bertawakal kepada Allah Subhanahu Wata'ala, kami, Pegawai-Pegawai dan Kakitangan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan ini berikrar :

- ❖ Menjunjung tinggi dan menghayati Falsafah Negara Melayu Islam Beraja yang bersendikan ajaran-ajaran Ugama Islam menurut Ahli Sunnah Wal Jamaah.
- ❖ Memelihara dan mengamalkan dengan teguh prinsip-prinsip “Hablun MinAllah” iaitu hubungan dengan Allah dan “Hablun Min An-Nas” iaitu hubungan dengan manusia.
- ❖ Patuh melaksanakan kehendak dasar-dasar Kerajaan, undang-undang Negara, peraturan dan arahan kerja dengan jujur, ikhlas, amanah, bijaksana dan bertanggungjawab. Sentiasa memelihara dan meningkatkan martabat, kewibawaan, kecemerlangan dan kebolehharian Perkhidmatan Awam dengan sifat dan sikap pro-aktif, iltizam, inovatif, pemedulia, cekap, telus, titih, lutan, bertatertib dan berakhlak mulia.
- ❖ Sentiasa berusaha meningkatkan produktiviti dan kualiti kerja, mempunyai daya tahan, daya saing dan bersedia menghadapi cabaran.
- ❖ Berkhidmat berasaskan keadilan serta amanah untuk agama, bangsa, Kerajaan dan negara pada menjunjung tinggi kemerdekaan dan kedaulatan sehingga terwujud negara aman, makmur, sejahtera, mendapat keampunan, keberkatan serta redha Allah Subhanahu Wata'ala

The background features a large white hexagon with a dark brown border, centered on a blue-to-purple gradient. Below the hexagon is a colorful, abstract pattern of overlapping hexagons and squares in shades of green, blue, pink, and orange. The overall design is modern and geometric.

**ANUGERAH PEKERJA CEMERLANG
PERKHIDMATAN AWAM
TAHUN 2016**

PENGENALAN

Anugerah Pekerja Cemerlang Perkhidmatan Awam (APCPA) ini julung kali diadakan bagi seluruh Kementerian dan Jabatan-Jabatan di bawahnya bersempena dengan Sambutan Hari Perkhidmatan Awam Kali Ke-17, Tahun 2010.

APCPA ini merupakan penghargaan dan pengiktirafan kepada warga Perkhidmatan Awam yang telah menunjukkan prestasi kerja yang cemerlang. Kualiti dan penghasilan kerja Pegawai / Kakitangan berkenaan seringkali melebihi daripada keperluan tugas dan tanggungjawab jawatan serta mempunyai keperibadian yang boleh dicontohi oleh Pegawai / Kakitangan yang lain.

OBJEKTIF

- ❖ Untuk menggalakkan dan meningkatkan kesedaran tentang perlunya peningkatan prestasi, produktiviti dan kualiti dalam Kementerian / Jabatan khususnya dan Perkhidmatan Awam umumnya. Di samping itu juga, ianya dihasratkan akan mewujudkan dan menamai budaya kerja cemerlang dalam Perkhidmatan Awam.
- ❖ Untuk memberikan dorongan dan pengiktirafan secara formal kepada warga Perkhidmatan Awam yang telah menunjukkan prestasi kerja yang tinggi dan bermutu, serta dapat menjadi contoh kepada Pegawai / Kakitangan yang lain untuk berusaha ke arah meningkatkan lagi prestasi kerja, produktiviti dan kualiti perkhidmatan masing-masing.
- ❖ Untuk memberikan pengiktirafan kepada Pegawai / Kakitangan Kementerian / Jabatan yang telah menjalankan tugas dan tanggungjawab dengan cemerlang serta berupaya memperkenalkan beberapa inisiatif dan usaha bagi peningkatan produktiviti dan kualiti perkhidmatan.
- ❖ Untuk memupuk dan meningkatkan iltizam, daya kreativiti di kalangan Pegawai / Kakitangan dalam aspek peningkatan produktiviti dan kualiti dan sekaligus meningkatkan prestasi, produktiviti dan kualiti dalam Perkhidmatan Awam.
- ❖ Untuk menggalakkan persaingan yang sihat di kalangan Pegawai / Kakitangan Kementerian / Jabatan bagi memperbaiki lagi amalan pengurusan yang produktif dan berkualiti yang menjurus ke arah meningkatkan iltizam dan penghayatan budaya kerja cemerlang di kalangan warga Perkhidmatan Awam.
- ❖ Untuk mewujudkan nilai tambah (*value-added*) kepada Perkhidmatan Awam agar lebih cekap dan berkesan dalam melaksanakan peranan serta tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan

KRITERIA PEMILIHAN APCPA BAGI BAHAGIAN II

Kriteria yang digunakan dalam menilai dan memilih pegawai yang menunjukkan prestasi kerja yang cemerlang ditumpukan kepada ciri-ciri penting yang dijadikan asas kepada prestasi kerja pegawai termasuklah mempunyai penilaian prestasi di tahap Cemerlang dua (2) tahun berturut-turut dan bersih dari tindakan tatatertib.

Pegawai dalam Bahagian II dinilai berdasarkan kepada sumbangan dan pencapaian pegawai-pegawai yang dinilai, dari berbagai segi, iaitu :

Kepimpinan	Kebertanggungjawaban (akauntabiliti), berintegriti dan berkeupayaan membimbing dan memimpin pegawai bawahan sebagai satu pasukan yang mantap
Inisiatif	Idea-idea yang dapat menghasilkan, menjimatkan dan meningkatkan produktiviti dan efisiensi bagi mencapai misi dan visi organisasi berkenaan
Impak	Berkesan dalaman dan luaran organisasi
Inovatif	Hasil dan faedah yang dicapai melalui pemakaian idea-idea baru dalam melaksanakan sesebuah projek atau program
Penggunaan tenaga manusia yang optima	Penggunaan sumber manusia secara efisien atau efektif
Produktiviti	Perbandingan diantara nisbah <i>input</i> dan <i>output</i> bagi sesuatu perkhidmatan melalui penggunaan sumber kewangan dan gabungannya dengan sumber-sumber lain
Peningkatan kualiti, produktiviti dan prestasi kerja / organisasi	Peningkatan atau pencapaian misi dan sasaran Jabatan yang ditentukan dan ditetapkan oleh KPI Kementerian masing-masing
Kualiti perkhidmatan	Keberkesanan sesuatu projek / program dalam meningkatkan kualiti pemberian perkhidmatan dengan cepat, tepat dan memuaskan pihak yang berkepentingan
Peningkatan kecekapan dan keberkesanan pengurusan	Pencapaian kegunaan dan usaha ke arah penggunaan sumber-sumber secara optima
Penjimatan kewangan	Keberkesanan sesuatu projek / program dalam menjimatkan perbelanjaan Kementerian / Jabatan
Penjimatan masa	Masa yang dapat dikurangkan dalam proses memberikan sesuatu perkhidmatan

Sistem-sistem baru	Rangka kerja yang digunakan sebagai landasan untuk menjalankan aktiviti kerja
<i>Business Process Re-engineering</i>	Pembaikan yang mengambilkira penggunaan ICT, memperbaiki proses kerja, pengurusan dan penggunaan data dan maklumat
Kerja Kemasyarakatan (<i>Community Work</i>)	Penglibatan secara sukarela diluar dari tugas rasmi yang memberikan manfaat dan faedah kepada organisasi atau orang ramai

KRITERIA PEMILIHAN APCPA BAGI BAHAGIAN III, IV & V

Kriteria yang digunakan dalam menilai dan memilih pegawai yang menunjukkan prestasi kerja yang cemerlang ditumpukan kepada ciri-ciri penting yang dijadikan asas kepada prestasi kerja pegawai termasuklah mempunyai penilaian prestasi di tahap Cemerlang dua (2) tahun berturut-turut dan bersih dari tindakan tatatertib.

Ciri-ciri Utama dan Ciri Tambahan yang dinilai adalah seperti berikut :

Ciri Utama	Personaliti	Kejujuran, kebolehppercayaan, amanah, semangat berpasukan
	Dedikasi	Terhadap tugas, bersedia bekerja lebih tanpa mengira masa
	Realibiliti	Dipercayai dan komited
	Disiplin	Taat dan patuh pada arahan dan peraturan
	Akauntabiliti	Bertanggungjawab dan berintegriti
Ciri Tambahan	Bakat	Sumbangan kepada organisasi / penonjolan yang luar biasa
	Ketrampilan	Cara melayan pelanggan, keramahan
	Kreativiti	Inovasi / kualiti / kuantiti / kos efektif / pembaharuan / pembaikan

**PENERIMA-PENERIMA
ANUGERAH PEKERJA CEMERLANG
PERKHIDMATAN AWAM
TAHUN 2016**

JABATAN PERDANA MENTERI



**Awang Haji Mohammad Khir Zaki bin
Dato Seri Setia Haji Abdul Hamid**
Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat II
Bahagian II
Unit Perkhidmatan Sumber Manusia,
Bahagian Pembangunan dan Pengurusan
Jabatan Perkhidmatan Awam



**Awang Haji Omar bin Haji
Mohd Daud**
Pengawas Bangunan
Bahagian III
Jabatan Kehakiman Negara



**Dayang Sharifah Shah Rizan binti
Shaikh Haji Said**
Kerani
Bahagian IV
Unit Pentadbiran dan Kewangan,
Bahagian Korporat dan Hal Ehwal
Antarabangsa
Jabatan Perkhidmatan Pengurusan



KEMENTERIAN PERTAHANAN



Awang Vincent Yap Kah Jiun
Jurutera Kerja
Bahagian II
Pusat Penyelidikan dan
Perkembangan Sains
dan Teknologi



**Dayang Hajah Mariam binti
Haji Mohd Nor**
Penyelia Pejabat
Bahagian III
Jabatanarah Pembangunan dan
Perkhidmatan Kerja



**Awang Muhammad Arif bin
Minudin**
Pengurus Mess Tingkat III
Bahagian IV
Jabatanarah Pentadbiran
dan Tenaga Manusia



Dayang Khadijah binti Abdullah
Mandur
Bahagian V
Pejabat Pentadbiran Awam
Penanjong Garison

KEMENTERIAN KEWANGAN



Dayangku Masleda binti Pengiran Daud

Pegawai Kewangan Kanan
Bahagian II
Bahagian Hasil



Dayang Rosna binti Haji Mohamad

Penolong Pegawai Kewangan Tingkat II
Bahagian III

Bahagian Pembangunan Sumber Manusia dan Hal Ehwal Korporat



KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI DAN PERDAGANGAN



**Dayangku Nooraslenna binti
Pengiran Dato Paduka Haji Sallehuddin**
Setiausaha Pertama
Bahagian II
Jabatan Pertubuhan-Pertubuhan
Antarabangsa



Awang Haji Mohamad bin Haji Pangis
Setiausaha Ketiga
Bahagian III
Kedutaan Negara Brunei Darussalam
di Jakarta



Mohamad Nuh bin Kamaludin
Kerani
Bahagian IV
Pejabat Menteri Hal Ehwat Luar Negeri
dan Perdagangan II (Kedua)



**Dayang Hajah Noralizah binti
Haji Arsad**
Pembantu Kerani
Bahagian V
Bahagian Dermasiswa
Jabatan Pentadbiran

KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI



Dayang Hajah Ani Artika Masfazida binti Haji Salim

Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat I
Bahagian II
Bahagian Kuasa-Kuasa Perbandaran
Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri



**Dayang Hajah Lasminah binti
Haji Abd Ladi**

Pegawai Balai
Bahagian IV
Jabatan Bomba dan Penyelamat



**Awang Mohd Shahadani bin
Haji Abdul Ghani**

Buruh
Bahagian V
Jabatan Bandaran Tutong

KEMENTERIAN PENDIDIKAN



Awang Abd Aziz bin Haji Taha
Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat II
Bahagian II
Unit Personel / Bahagian Perjawatan
Jabatan Pentadbiran dan
Perkhidmatan-Perkhidmatan



Dayang Hajah Adzizah binti Abdullah
Juruteknik Makmal Kanan
Bahagian III
IBTE Kampus Sultan Bolkiah
Institut Pendidikan Teknikal Brunei /
Pendidikan



**Dayang Hajah Ngatini binti
Haji Sumari**
Kerani
Bahagian IV
Bahagian Perkhidmatan dan
Pengurusan Peperiksaan
Jabatan Peperiksaan



Dayang Rosnani binti Abdullah
Pembersih
Bahagian V
Pejabat Setiausaha Tetap
(Pengajian Tinggi)

KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA



Dayang Norjijah binti Yunus
Pegawai Ugama
Bahagian II
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
Jabatan Pentadbiran



Dayang Roziah binti Haji Ibrahim
Penolong Pegawai Ugama
Bahagian III
Seksyen Kajian dan Perancangan
Bahagian Dasar, Perancangan dan
Penyelidikan



Dayang Norlilawati binti Baha
Kerani
Bahagian IV
Bahagian Pentadbiran
Institut Tahfiz Al-Quran Sultan
Haji Hassanah Bolkiah



Dayang Sariah binti Haji Md Daud
Penggapai
Bahagian V
Pejabat Hal Ehwal Ugama
Daerah Tutong

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN



Dayang Hajah Zainab binti Haji Yusop
Pegawai Perancang Bandar
dan Desa Kanan
Bahagian II
Jabatan Perancang Bandar dan Desa



Dayang Rosnah binti Kola
Kerani Sulit
Bahagian III
Pejabat Pengarah Pentadbiran
dan Kewangan
Jabatan Kerja Raya



**Awang Haji Hamdani bin
Haji Mohd Tahir**
Pembantu Teknik
Bahagian IV
Divisyen Pengurusan Sumber
Tenaga Manusia



Dayang Saiah binti Sidup
Mandur
Bahagian V
Jabatan Alam Sekitar, Taman
dan Rekreasi

KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN



Dayang Siti Huzzyimah binti Haji Abu Bakar
Penolong Pegawai Pelancongan
Bahagian III
Unit Perhubungan Antarabangsa
Jabatan Kemajuan Pelancongan



Awang Mahala bin Ajak
Pembantu Pertanian
Bahagian IV
Unit Industri Florikultur dan
Koridor Inovasi Bio
Jabatan Pertanian dan Agrimakanan



**Dayang Hajah Razaliah binti
Haji Mahal**
Pembantu Kerani
Bahagian V
Bahagian Pengembangan Pertanian
Jabatan Pertanian dan Agrimakanan

KEMENTERIAN PERHUBUNGAN



**Dayang Mauludnah binti
Haji Mohamad Nudin**
Pengawal Pos
Bahagian II
Jabatan Perkhidmatan Pos



Awang Haji Moddin bin Ibrahim
Ketua Pembantu Teknik
Bahagian III
Jabatan Laut



**Awang Muhamad Juhari bin
Haji Muhamad Daud**
Pemberi Isyarat Tingkat Khas
Bahagian IV
Signal Station Muara
Jabatan Laut



Dayang Apsah binti Haji Abd Rahman
Stationary Plant Operator Tingkat I
Bahagian V
Pusat Memproses Mel dan Bungkus
Jabatan Perkhidmatan Pos

KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN



**Dayang Hajah Junainah binti
Haji Jumahat**
Pegawai Hal Ehwal Belia dan Sukan
Bahagian II
Pejabat Menteri, Bahagian
Pembangunan Belia dan Sukan



**Dayang Hajah Ramlah binti
Haji Abd Rahman**
Penolong Pegawai Penyemak Tingkat I
Bahagian III
Bahagian Penerbitan
Dewan Bahasa dan Pustaka



**Dayang Hajah Maimunah binti
Haji Abd Rahman**
Kerani
Bahagian IV
Bahagian Pentadbiran
Jabatan Muzium-Muzium



Dayang Faidawati binti Hashim
Pekerja Tingkat V
Bahagian V
Pejabat Setiausaha Tetap
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan



KEMENTERIAN KESIHATAN



**Dayang Tsara' Nawwarah binti
Abdullah Chen**
Jurupulih Cara Kerja Kanan
Bahagian II
Jabatan Perkhidmatan Perubatan
Hospital Raja Isteri Pengiran
Anak Saleha



**Awang Haji Muhammad Ashraf
Lim bin Abdullah
@ Lim Ting Kiat**
Jururawat
Bahagian III
Jabatan Psikiatri
Hospital Raja Isteri Pengiran
Anak Saleha



**Dayang Hajah Sapai @ Safiyiah
binti Haji Talip**
Penyambut Tetamu Hospital
Bahagian IV
Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan
Hospital Suri Seri Begawan,
Kuala Belait



**Awangku Haji Nooraffin Shah bin
Pengiran Haji Othman**
Atendan Kanan
Bahagian V
Bahagian Domestik
Hospital Raja Isteri Pengiran
Anak Saleha

**ANUGERAH CEMERLANG
PERKHIDMATAN AWAM
TAHUN 2016**

PENGENALAN

Program Anugerah Cemerlang Perkhidmatan Awam, ACPA, merupakan salah satu usaha Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke arah mempertingkatkan kecekapan dan keberkesanan pentadbiran awam Negara Brunei Darussalam.

ACPA berperanan sebagai inisiatif untuk mempergiatkan lagi peranan sektor Kerajaan sebagai penyedia kemudahan, pemudahcara, pengawalatur dan pelaksana dasar.

Mula diperkenalkan pada tahun 1993 dan ACPA pada tahun 2014 telah melalui evolusi, dengan memperkenalkan kategori kertas projek dan kertas cadangan. Kertas projek dibukakan kepada kementerian, jabatan, pegawai dan kakitangan Perkhidmatan Awam secara individu dan kumpulan.

Manakala kategori kertas cadangan dibukakan kepada semua pegawai dan kakitangan Perkhidmatan Awam dan pertama kali dibukakan kepada pihak swasta dan orang ramai.

Logo ACPA mula direkabentuk pada tahun 2006, dan pada tahun 2016 logo ACPA diubah mengikut perkembangan terkini dengan tema "Inovasi, Transformasi, Berwawasan".

Sejak ACPA diperkenalkan sebanyak 159 projek telah dihasilkan. Pada tahun 2016, ACPA telah menerima penyertaan yang terbanyak iaitu 22 kertas projek dan 19 kertas cadangan.

Matlamat ACPA adalah untuk :

- Menggalakkan inovasi dalam urustadbir baik (*good governance*) Perkhidmatan Awam;
- Menghargai keunggulan / kecemerlangan dalam sektor awam;
- Memotivasi penjawat awam untuk lebih mempromosikan / menggalakkan inovasi;
- Meningkatkan profesionalisma di dalam perkhidmatan awam;
- Meningkatkan imej Perkhidmatan Awam;
- Mengumpulkan dan menyebarkan praktis-praktis yang berjaya untuk dicontohi agensi-agensi sektor awam yang lain; dan
- Menggalakkan penyertaan orang awam dan sektor swasta dalam menyumbangkan idea ke arah pembaikan dan pembaharuan Perkhidmatan Awam.

PANEL PENILAIAN DAN PEMILIHAN ACPA 2016

Pengerusi	Awang Aminuddin bin Haji Buntar <i>Pemangku Pengarah Perkhidmatan Pengurusan</i>
Ahli-Ahli Panel: Sektor Awam	Awang Haji Abdul Amin bin Haji Hashim <i>Pemangku Ketua Pengarah Perancangan dan Kemajuan Ekonomi, Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi</i>
Sektor Akademik	Dr Malai Haniti binti Sheikh Abdul Hamid <i>Timbalan Pengarah Pengajian, Pejabat Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Akademik), Universiti Brunei Darussalam</i>
Sektor Swasta	Awang Haji Kula bin Haji Metasan <i>Pemangku Pengarah Perancangan Strategik Brunei National Petroleum Company Sendirian Berhad</i>



Dari Kiri-Kanan ✎ Yang Mulia Awang Haji Kula bin Haji Metasan ✎ Yang Mulia Awang Aminuddin bin Haji Buntar ✎ Yang Mulia Awang Haji Abdul Amin bin Haji Hashim ✎ Yang Mulia Dr. Malai Haniti binti Sheikh Abdul Hamid

**KUMPULAN-KUMPULAN YANG MENYERTAI
ANUGERAH CEMERLANG PERKHIDMATAN AWAM
TAHUN 2016**

1. KUMPULAN TAJNID

Bahagian Pengambilan
Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
Jabatan Perdana Menteri

Tajuk Projek : “ SPA ONLINE RECRUITMENT MANAGEMENT ”

Kategori: Kertas Projek

Tarikh Diperkenalkan : 01 September 2014 / Tarikh Dilaksanakan : 28 Februari 2015



Ahli-Ahli :

Pengiran Hajah Sarimah binti Pengiran Haji Merali, Penolong Kanan Setiausaha
Dayang Hajah Dahliana binti Haji Aliakbar, Penolong Kanan Setiausaha
Dayang Siti Rozaidah binti Haji Ali Hasan, Penolong Setiausaha
Dayang Hajah Maimunah binti Seruji, Penolong Setiausaha
Awang Mohammad Rouhan bin Haji Hassan, Pegawai Kerja
Awang Muhammad Syahmi bin Halimshah, Pegawai Kerja
Dayang Norefna binti Abdullah, Pegawai Kerja
Dayang Nurhazirah binti Haji Ismail, Pegawai Kerja
Dayang Taisah binti Haji Ibrahim @ Sharifah Taisah binti Shaikh Haji Ibrahim,
Penolong Pegawai Kerja Tingkat I
Awang Suhaibul bin Haji Ahmad, Penolong Pegawai Kerja Tingkat I
Awang Haji Md Emmy Shamrry bin Haji Kadir, Penolong Pegawai Kerja Tingkat I
Awang Mohammad Rino bin Md Daud, Penolong Pegawai Kerja Tingkai II

Dayangku Hasleynawati binti Pengiran Haji Rosley, Penolong Pegawai Tingkat II
Awang Nurariffin bin Mansor, Kerani
Dayangku Rabi'atul Adawiyah binti Pengiran Aspar, Kerani

Sinopsis :

Pejabat SPA bertanggungjawab selaku urus setia kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam bagi melaksanakan proses pengisian jawatan kosong bermula dari pengiklanan, penerimaan permohonan, perakuan calon, ujian, temuduga, penyediaan kertas mesyuarat dan tawaran jawatan.

Sebelum projek ini dilaksanakan, proses pengisian jawatan mengambil masa yang terlalu lama untuk diselesaikan. Majoriti jawatan diproses melebihi tempoh TPOR 15 - 20 minggu. Kelambatan ini berpunca dari proses pengendalian secara manual dan juga sistem (SIMPA) yang mempunyai fungsi terhad tidak dapat membantu urus setia mengurus proses pengambilan. Berdepan dengan masalah-masalah ini dan juga bagi usaha untuk mewujudkan satu sistem pengambilan yang lebih sistematik dan berkesan, maka Pejabat SPA telah melaksanakan projek SPA *Online Recruitment Management* dan membangunkan sistem *PSC Recruitment* yang telah mula digunakan pada bulan Februari 2015.

Objektif-objektif utama projek ialah untuk memudahkan pemohon menghadapi permohonan, di samping mempercepat dan memudahkan Pejabat SPA di dalam mengendalikan proses pengisian jawatan kosong. Beberapa faedah diperolehi termasuklah memendekkan TPOR dari 20 minggu ke 13 minggu, peniadaan kos tetap bayaran perkhidmatan SMS, meningkatkan penggunaan GEMS dan portal e-darussalam dan juga peniadaan kos pembelian kertas dan sampul surat setelah penyampaian maklumat menggunakan surat digantikan sepenuhnya dengan penghantaran e-mel dan dipaparkan di dashboard pemohon.

Pengurusan aduan dan pertanyaan dikendalikan melalui talian Darussalam 123, manakala pemberiگان berterusan terhadap tatacara penggunaan sistem *PSC Recruitment* dibuat melalui bengkel / klinik. Selanjutnya, sistem *enhancement* akan dilaksanakan untuk meningkatkan keupayaan sistem bagi mencapai sepenuhnya TPOR 13 minggu dan mengurangkannya lagi kepada 9 minggu. Pejabat SPA juga merancang untuk meningkatkan *accessibility* sistem ini melalui aplikasi Mobile Apps dalam *smartphones* pengguna.

Objektif Projek :

Projek ini mempunyai 2 objektif utama yang terbahagi kepada 6 sub-objektif seperti berikut :-

Objektif Pertama - Memudahkan pemohon untuk menghadapkan Permohonan Jawatan Kosong.

- Menyediakan “platform” permohonan secara dalam talian (*online*) yang boleh diakses pada bila-bila masa dan di mana sahaja
- Menggantikan borang permohonan manual (borang SPA1 / SPA2) dengan sistem aplikasi dalam talian
- Memudahkan dan membolehkan pemohon melengkapkan sendiri profil peribadi, memuatnaik dokumen, mengemaskini maklumat, mencari dan memohon jawatan kosong yang diiklankan serta mengetahui status permohonan dengan mudah dan cepat

Objektif Kedua - Mempercepat dan memudahkan proses pengambilan serta pengisian Jawatan Kosong yang dikendalikan oleh Pejabat SPA.

- Meningkatkan kecekapan dan produktiviti dalam pengambilan serta pengurusanannya yang diukur melalui peningkatan jumlah jawatan yang diproses dalam tempoh Tekad Pemedulian Orang Ramai (TPOR) yang ditetapkan.
- Memperkenalkan penggunaan e-mel untuk memaklumkan pemohon mengenai jadual ujian dan temuduga serta keputusan permohonan.
- Menilai semula proses kerja pengambilan menggunakan kaedah *Business Process ReEngineering* (BPR).

2. KUMPULAN SYURA BMT

Bahagian Mesyuarat

Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam

Jabatan Perdana Menteri

Tajuk Projek : “ PEMODENAN SISTEM MESYUARAT ”

Kategori: Kertas Projek

Tarikh Diperkenalkan : 21 Mei 2012 / Tarikh Dilaksanakan : 30 Disember 2013



Ahli-Ahli :

Awang Salminan bin Haji Burut , Setiausaha

Awang Haji Mohd Adnan bin Haji Abd Hamid, Penolong Kanan Setiausaha

Dayang Siti Rozaidah binti Haji Ali Hassan, Penolong Kanan Setiausaha

Dayang Za Eirney binti Haji Mohammad Ali, Setiausaha Sulit

Awang Haji Abdul Haris bin Haji Khamis, Setiausaha Sulit

Awang Haji Md Emmy Shamrry bin Haji Kadir, Penolong Pegawai Kerja Tingkat I

Dayang Hajah Kaipah binti Haji Baha, Penolong Pegawai Kerja Tingkat I

Dayang Hajah Siti Maihmun @ Siti Maimun binti Haji Nudin, Penolong Pegawai Kerja Tingkat I

Awang Rudi Hairol bin Ibrahim, Penolong Pegawai Kerja Tingkat II

Awang Mohammad Fadhli bin Mazlan, Kerani

Sinopsis :

Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (Pejabat SPA) berperanan sebagai Sekretariat kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (Suruhanjaya). Suruhanjaya adalah badan bebas yang mana fungsi utamanya ialah mempertimbangkan sokongan Kementerian / Jabatan dan membuat keputusan secara "*consensus*", seterusnya menyampaikan nasihat Kepada Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Dalam kepesatan arus teknologi yang cepat berkembang sekarang ini sejajar dengan perkhidmatan awam yang dinamik dan inovatif, Pejabat SPA terpanggil untuk mengaplikasi Info-Komunikasi di dalam menyampaikan perkhidmatannya dengan memodenkan sistem mesyuarat Suruhanjaya.

Penggunaan Info-Komunikasi dalam mesyuarat Suruhanjaya bermula pada Januari 2014. Sebelum ini mesyuarat Suruhanjaya dijalankan secara konvensional dengan meneliti kertas kerja "*hard copy*" yang mengandungi sokongan Ketua Jabatan berserta salinan dokumen-dokumen mengenai dengan perkara yang ditimbangkan yang mana lazimnya proses penyediaan kertas kerja bagi mesyuarat Suruhanjaya ini memerlukan kertas yang sangat banyak. Pada tahun 2012 sahaja sebanyak 4,743 kertas kerja telah dipertimbangkan. Kini dengan aplikasi teknologi, kertas kerja mesyuarat Suruhanjaya beralih sepenuhnya dalam bentuk "*digital copy*" dan dipaparkan melalui skrin komputer. Dengan inovasi ini bukan sahaja penggunaan kertas jauh berkurangan yang menjurus kepada penjimatan perbelanjaan pembelian kertas dan penyelenggaraan mesin fotokopi, malah ianya juga dapat mengatasi masalah penyimpanan kertas kerja. Keputusan mesyuarat dan kertas kerja yang telah dipertimbangkan dimuat naik dalam bentuk "*pdf*" yang mana mudah dijejaki untuk rujukan kemudian.

Dengan kejayaan mesyuarat Suruhanjaya berkomputer ini mesyuarat Suruhanjaya lebih berkesan dan telah meningkatkan prestasi, kualiti kerja dan produktiviti Pejabat SPA ke arah kecemerlangan Perkhidmatan Awam.

Objektif Projek :

Bagi merealisasikan tujuan yang tersebut di atas, terdapat dua (2) objektif utama seperti berikut :

1. Memberi kemudahan Pejabat ini khususnya urus setia Bahagian Mesyuarat untuk mengendalikan mesyuarat Suruhanjaya.
 - Membangun (*developing*) satu sistem pengurusan mesyuarat secara berkomputer.



- Memudahkan urus setia Bahagian Mesyuarat menyimpan dan mendapatkan maklumat sebagai rujukan, memuat naik (*upload*) dokumen, mengemaskini maklumat, mencari dan memuat turun (*download*), menyediakan minit keputusan Suruhanjaya, mengetahui status serta memantau kertas kerja dengan cepat.
2. Mempercepatkan dan memudahkan proses penyediaan dan pengendalian kertas kerja untuk dimesyuaratkan Suruhanjaya.
- Meningkatkan kecekapan dan produktiviti dengan penggunaan teknologi dalam penyediaan, pengendalian dan pengurusan mesyuarat Suruhanjaya iaitu menggantikan kertas kerja dari "*hard copy*" kepada "*digital copy*" dan dipaparkan melalui skrin komputer untuk kemudahan merujuk semasa mesyuarat seterusnya mengurangkan tempoh penyediaan, pengendalian dan penyusunan kertas kerja,
 - Menilai semula proses kerja pengurusan mesyuarat dengan mengurangkan aliran proses kerja yang manual.

3. KUMPULAN GEMS GUARDIANS

Jabatan Perkhidmatan Awam

Jabatan Perdana Menteri

**Tajuk Projek : “ KEBERKESANAN PENGUATKUASAAN LAPORAN REKOD
PERKHIDMATAN GEMS (RPG) ”**

Kategori: Kertas Projek

Tarikh Diperkenalkan : 27 Januari 2014 / Tarikh Dilaksanakan : 01 September 2014



Ahli-Ahli :

Dayangku Hajah Asilah binti Pengiran Haji Chuchu, Pegawai Kakitangan Kanan

Dayangku Moniri binti Pengiran Mohiddin, Pegawai Kakitangan

Dayang Syamimi binti Abu Hasrah, Pegawai Kakitangan

Dayang Nursuziana binti Kamarudin, Pegawai Kakitangan

Dayangku Hajah Zuraidah binti Pengiran Haji Ibrahim, Penganalisa Sistem

Dayang Nur Syahirah binti Abdullah Suling, Penolong Pegawai Kakitangan

Dayang Hajah Hemidah binti Haji Mohd Hassan, Penjadual

Pengiran Herman bin Pengiran Duraman, Penolong Pegawai Kakitangan

Awang Mohd Hairol Anuar bin Haji Nayan, Pengendali Sistem

Awang Abdul Hanif bin Haji Sarbini, Penyelia Sistem

Dayang Amal Hayaty binti Haji Ismail, Kerani

Awangku Fikri Amirullah bin Pengiran Mashor, Pekerja Tingkat I

Dayang Noraini binti Haji Maraji, Kerani

Dayang Nurhidayat binti Roslan, Pekerja Tingkat I

Dayang Norine binti Haji Durahman, Pekerja Tingkat II



Sinopsis :

Salah satu peranan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) adalah mengendalikan serta menguruskan perkara-perkara yang berkaitan dengan hal ehwal pengurusan dan perkembangan pegawai dan kakitangan dalam Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam termasuk memastikan ke semua maklumat warga Perkhidmatan Awam adalah teratur dan kemaskini. Sehubungan dengan itu, satu inisiatif Jabatan Perdana Menteri melalui JPA telah diambil bagi pewujudan satu sistem canggih yang akan membolehkan ke semua agensi Kerajaan menggunakan sistem yang sama untuk mengakses maklumat warga Perkhidmatan Awam yang dinamakan *Government Employee Management System (GEMS)* yang mula dikenalkan pada 16 April 2009. Selain daripada mengakses maklumat warga Perkhidmatan Awam, GEMS juga membolehkan pengemaskinian maklumat dan penggunaan aplikasi-aplikasi GEMS seperti cuti dan kedatangan. Sedari awal KPI yang ditetapkan bagi penggunaan GEMS dalam tempoh lima (5) tahun sehingga 2014 adalah 80%.

Walau bagaimanapun, semasa proses awal pelaksanaan GEMS kepada Kementerian-Kementerian dan Jabatan di bawahnya, didapati beberapa Kementerian dan Jabatan telah tidak mengunapakai aplikasi-aplikasi GEMS dan tidak aktif mengemaskini maklumat Rekod Perkhidmatan di dalam sistem secara online dan masih mengemaskini Rekod Perkhidmatan secara manual di mana peratusan KPI penggunaan GEMS (*Unique Login*) pada tahun 2013 hanya mencapai 33.04%. Perkara ini telah mendorong JPA melalui Bahagian GEMS bertindak untuk mengendalikan projek pengemaskinian Rekod Perkhidmatan GEMS (RPG) dan menguatkuasakan penggunaan dan penjanaan laporan RPG secara *online* kepada semua Kementerian dan Jabatan. Maka KPI asal iaitu 80% penggunaan GEMS telah dilanjutkan tempoh pencapaiannya kepada tiga (3) tahun selepas pelaksanaan projek RPG iaitu sehingga 2017.

Sehubungan dengan itu pada awal tahun 2014, Bahagian GEMS, JPA telah mula melaksanakan projek RPG yang melibatkan semua Kementerian dan Jabatan bagi objektif utama iaitu memastikan maklumat Rekod Perkhidmatan setiap pegawai dan kakitangan adalah teratur dan sentiasa kemaskini di dalam pangkalan data GEMS. Dengan berjalannya penguatkuasaan pengemaskinian RPG dan penjanaan laporan RPG secara *online*, jumlah pengemaskinian RPG telah meningkat secara drastik dan Rekod Perkhidmatan bercetak tidak lagi dihadapkan ke JPA dan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) bagi proses-proses sokongan yang mana secara tidak langsung telah mengurangkan masa memproses dan tenaga yang diperlukan bagi proses-proses sokongan dan juga membantu mengurangkan perbelanjaan Kerajaan dari segi pengurangan penggunaan kertas.

Selepas satu (1) tahun setengah projek RPG ini berjalan, didapati hasil peratusan KPI penggunaan GEMS (*Unique Login*) pada tahun 2015 telah meningkat dengan ketaranya kepada 51.62%. Hasil positif ini juga dapat dilihat melalui keberkesanan *qualitative* dan *quantitative* serta impak yang ketara kepada pelanggan. Kertas kerja ini melaporkan secara terperinci pelaksanaan projek RPG dari mula hingga kini di mana pemantauannya masih giat

diteruskan. Cabaran-cabaran yang dihadapi sepanjang berjalannya projek ini juga diteliti bagi membuat tindakan yang membuahkan inisiatif serta inovasi dalam pada melancarkan lagi pelaksanaan projek RPG ini dengan jayanya.

Objektif Projek :

- Bagi mencapai hasrat Kerajaan untuk menjayakan projek GEMS sebagai satu sistem maklumat warga perkhidmatan awam yang berkaliber di samping menjustifikasikan pelaburan Kerajaan yang tinggi.
- Memberikan penekanan ke atas kepentingan mempunyai RPG bagi setiap pegawai dan kakitangan adalah teratur dan sentiasa kemaskini di dalam pangkalan data GEMS bagi kegunaan panduan dan rujukan dalam menjalankan sebarang perancangan pembangunan serta pengurusan sumber warga perkhidmatan awam yang berjumlah 53,412 orang sehingga 31 Disember 2015 di mana dihasratkan KPI penggunaan GEMS akan dapat mencapai 80%.
- Memberikan penekanan ke atas penggunaan RPG bagi kesemua sokongan yang melibatkan Hal Ehwal Lantikan, Hal Ehwal Perkhidmatan (Kemudahan-kemudahan Gaji EB / EB Khas, Tindakan Tatatertib, Menamatkan Perkhidmatan, dll), Latihan Dalam Perkhidmatan dan Kursus Khas (Program Pembangunan Eksekutif).
- Mengenalpasti kedudukan terkini penggunaan GEMS di setiap Kementerian dan Jabatan-jabatan di bawahnya bagi membolehkan pihak pengurusan GEMS untuk membuat tindakan lanjut ke arah peningkatannya yang dapat membawa kepada penjimatan perbelanjaan Kerajaan melalui pengurangan penggunaan kertas dalam menguruskan ke semua proses-proses sokongan dalam perkhidmatan awam.

4. KUMPULAN GAPURA

Pusat Kebangsaan E-Kerajaan (EGNC)

Jabatan Perdana Menteri

Tajuk Projek : “ ONE GOVERNMENT PRIVATE CLOUD ”

Kategori: Kertas Projek

